

Ucapan Menteri Pelajaran Enche'
Hussein Onn di-upachara merasmikan
pembukaan Sekolah Kebangsaan Kebun Bahru,
Kuala Langat, Selangor pada 5.6.71
pukul 9.00 pagi.

Saya berasa besar hati kerana telah di-jemput menghadziri upachara Pembukaan Sekolah Kebangsaan, Kebun Bahru yang mempunyai enam bilek darjah, sabuah pejabat dan sabuah bilek guru yang telah di-bena dengan harga \$80,000. Bangunan baharu ini di-bena kerana bilangan anak2 kita di-sekolah ini kian bertambah ramai lagi, sekali pun bangunan lama yang ada pada hari ini maseh baik dan boleh di-gunakan lagi.

Saya berasa sukachita mendengar laporan guru besar tadi tetapi ada setengah2-nya saya berasa dukachita dan tidak puas hati terutama-nya sekali bilangan murid2 dari sekolah ini yang tamat darjah VI, melanjutkan pelajaran menengah mereka. Saya di-fahamkan bahawa lebeh kurang 50% murid2 darjah VI sekolah ini tidak melanjutkan pelajaran ka-sekolah menengah sedangkan sekolah menengah yang dekat ada di-kawasan ini, ia-itu di-Telok Dato' lebeh kurang 13 batu sahaja dari kampong ini. Semua ini menunjukkan bahawa ibu bapa tidak mengambil berat terhadap kemajuan pelajaran anak2 mereka. Saya ketahui separoh daripada-nya berpendapat, apa-lah guna-nya bagi anak2-nya melanjutkan pelajaran sedangkan aku tanpa mempunyai pelajaran, hidup boleh di-katakan senang hari ini. Kalau bagini-lah pendapat atau fikiran ibu2 bapa kita maka masa depan anak2 kita yang berhenti sekolah setakat darjah VI atau lebeh rendah daripada darjah itu akan menjadi satu beban yang amat berat kapada ibu2 bapa sendiri dan masharakat.

Mungkin apa yang di-katakan oleh ibu-bapa itu betul bagi diri mereka, tetapi bagi anak2 yang akan membesar hari ini mempunyai masa depan yang agak gelap tanpa mempunyai pelajaran yang sa-lengkap-nya. Apa juga pun bidang pekerjaan hari ini pehak majikan berkehendakan pekerja2-nya mempunyai pelajaran yang baik. Dengan pelajaran yang baik itu, maka majikan2 berharap pekerja2 ini dapat memberikan sumbangan yang lebeh bermutu untok memajukan perusahaan mereka dan di-samping itu memberi jaminan akan untong nasib pekerja2 itu sendiri. Saya berharap murid2 darjah VI tahun ini agar lebeh ramai lagi melanjutkan pelajaran menengah mereka ka-sekolah2 yang ada di-sekitar kawasan Telok Dato' dan juga ka-Kuala Lumpur dan sebagainya.

Bagi membuktikan bahawa Kerajaan mengambil berat terhadap pelajaran anak2 kita, maka sukalah saya menyatakan dalam tahun ini sahaja sebanyak \$256,000.00 akan di-belanjakan di-kawasan Kuala Langat untok beberapa perojek di-tiga buah sekolah. Dari jumlah itu, \$140,000.00 akan di-belanjakan untok Sekolah Rendah Kebangsaan Sejangkang bagi membena 8 bilek darjah, sabuah pejabat, kantin, bilek guru besar dan setor. Sementara lagi \$70,000.00 akan di-belanjakan

untuk sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Lang, Banting untuk membena 4 bilik darjah, sebuah pejabat, kantin, bilik guru dan setor. Saterus-nya, pada tahun ini juga dari jumlah yang banyak itu, Kementerian saya akan membelanjakan \$46,000.00 untuk membena sebuah ma'amal sains tulen (untuk Ilmu Fizik dan Ilmu Kimia) sebuah perpustakaan dan setor bagi Sekolah Menengah Kebangsaan, Telok Dato', Kuala Langat. Maka perprojek2 ini semua tidak memberi apa2 keuntungan kalau anak2 kita terus berhenti hanya sa-takat Darjah VI sahaja.

Saya suka juga menyentoh bahawa dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, Kementerian saya akan membelanjakan lebih dari \$1 juta untuk menubuhkan Pusat Pelajaran Sains di-mana ia akan merupakan pusat untuk kegiatan2 kemajuan bidang pelajaran dan chara2 pengajaran Sains serta Ilmu Hisab. Tetapi kalau anak2 kita terus berhenti sekolah di-darjah VI maka ini amat mendukachitakan, dan duit yang banyak kita belanjakan itu akan mabadzir sahaja. Usaha Kerajaan hari ini ia-lah hendak mempersaibangkan kedudukan ekonomi ra'ayat luar bandar dan ra'ayat di-bandar tetapi kalau ra'ayat luar bandar terus memoleh tidak mahu mempunyai pelajaran yang sa-chukup-nya bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang baik pada masa akan datang maka selama itulah chita2 dan usaha2 Kerajaan untuk mempersaibangkan kedudukan itu tidak akan berjaya.

Di-bawah Rancangan Malaysia Kedua juga, Kementerian saya akan berusaha untuk membaiki lagi kedudukan sekolah2 di-luar bandar dan satu peruntukan besar telah pun kami minta dan di-harap akan di-luluskan oleh Parlimen sadikit hari lagi. Satu daripada tujuan2 besar kami di-dalam melaksanakan dasar pelajaran di-bawah Rancangan Malaysia Kedua ini ia-lah meninggikan mutu sistem pelajaran negara kita. Yang mustahak dalam kategori aktibiti2 ini ia-lah rancangan2 untuk membasmikan kekurangan yang tak sama antara kawasan2 luar bandar dan bandar. Di-sini suka-lah saya menegaskan bahawa apabila timbul-nya masalah2 membaiki lagi mutu pelajaran, maka apa yang kita utamakan ia-lah pelajaran anak2 kita di-kawasan2 luar bandar. Suka-lah saya menegaskan kepada ibu2 bapa sekalian bahawa sekolah yang chantek ini tidak akan memberi ma'ana apa2 pun sekira-nya ibu2 bapa tidak menyuroh dan menggalakkan anak2 kita belajar bersungguh2 dan meneruskan pelajaran menengah mereka. Saya tahu memang banyak kesulitan2 yang kita hadapi tetapi kesulitan2 itu tidak seharusnya di-serahkan kepada Kerajaan untuk mengatasi-nya. Sebalik-nya adalah menjadi tanggung jawab ibu2 bapa juga untuk mengatasi masalah2 tersebut. Satu daripada chara2 mengatasi-nya ialah pengorbanan ibu2 bapa untuk pelajaran anak2 kita. Perkara ini-lah yang saya minta daripada ibu2 bapa sekalian.

Ada-lah di-tegaskan lagi bahawa di-semua peringkat, kita mestilah menitek beratkan usaha kita untuk merapatkan lagi jurang di-antara sekolah2 luar bandar dan sekolah2 bandar. Ini sukalah saya tegaskan kepada ibu2 bapa sekalian tidak hanya memerlukan pembenaan bangunan2 baharu dan kemudahan2 di-dalam-nya malahan juga memperbaiki mutu pelajaran. Ini ia-lah satu usaha yang akan menelan belanja yang begitu banyak, namun demikian saya yakin bahawa faedah2-nya kalau di-kaji dari segi pembangunan dan perpaduan negara adalah sangat baik dan berpatutan pula. Maka sudah sewajar-nya bagi anak2 kita dan guru2 menggunakan sekolah2 itu sebaik2-nya, supaya perbelanjaan yang besar itu tidak jadi mabadzir.

Akhir kata saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Ahli2 Lembaga Pengurus, guru2 dan ibu2 bapa di-kawasan ini kerana telah berjaya mengadakan upacara yang meriah bagi merasmikan pembukaan Sekolah Kebangsaan Kebun Bahru, Kuala Langat dan saya dengan segala sukachita-nya merasmikan pembukaan sekolah yang chantek ini.



No Siri	37
No penerimaan	37/80